

▼08/12/18-43MST

U RG 08-12 00169 BA808

aab

Mahathir-LIMA 93

LIMA 93 BERJAYA SEKALI, KATA PH

LANGKAWI, 8 Dis (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 93 yang sedang berlangsung di sini pada umumnya berjaya sekali, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau memberitahu persidangan akhbar di sini, LIMA 93 jelas sekali mendapat sambutan lebih baik dari pelbagai industri maritim dan udara dari negara-negara lain.

Sebanyak 26 negara dan 375 syarikat mengambil bahagian kali ini dan sambutan yang diberikan begitu memuaskan, tambahnya.

Pameran selama enam hari yang dirasmikan oleh Dr Mahathir semalam akan berakhir Ahad ini.

Ketika menjawab soalan pemberita mengenai laporan bahawa persidangan G-15 di New Delhi, India, minggu hadapan mungkin ditangguhkan, beliau berkata, beliau tetap akan ke sana seperti dijadualkan.

+Sama ada persidangan itu ditangguhkan atau tidak, saya akan ke sana,+ kata Dr Mahathir yang berharap dapat bertemu dengan rakan-rakan sejawatan yang Jain dan dari India untuk perbincangan dua hala semasa di sana. --  
Lagi.

▼08/12/19-23MST

CNS7453

U GB 08-12 00100 BA809

aab

Mahathir - LIMA 93 2 (akhir) Langkawi

Pada persidangan akhbar lain, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau amat berpuas hati dan bangga dengan perjalanan LIMA '93.

Katanya, banyak peserta juga telah melahirkan perasaan puas hati kepada beliau mengenai penyertaan mereka dalam LIMA '93 kerana mendapati pameran itu menepati kehendak mereka.

"Menurut mereka, iklim LIMA amat positif bagi para peserta untuk membolehkan mereka memperkenalkan syarikat mereka dan teknologi mereka," katanya.

Beliau berkata, mereka juga berpuas hati dengan kualiti para pelanggan LIMA '93. -- Bernama.

SAG NMO

▼08/12/19-25MST